



PEN.SR /01/05/23

KHAMIS, 25 MEI 2023

Semarak semangat cinta negara menjelang Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023

KUCHING, 25 Mei – Seluruh rakyat Malaysia khususnya dan Sarawak amnya diseru terus menyemarakkan semangat cinta negara menjelang Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2023 bertemakan 'Tekad Perpaduan Penuhi Harapan'.

Mengambil langkah proaktif, Kementerian Komunikasi dan Digital menerusi Jabatan Penerangan Malaysia, Sarawak akan menganjurkan Majlis Pelancaran Logo dan Tema Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia yang akan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Utiliti), Datuk Abdul Rahman Junaidi bertempat di MYDIN Petra Jaya pada Sabtu, 27 Mei 2023 jam 9.30 pagi.

Menariknya, majlis pelancaran tersebut diadakan serentak di Esplanade, Taman KLCC, Kuala Lumpur, 1 Borneo Hypermall, Kota Kinabalu (Sabah) dan Mydin Petra Jaya, Kuching (Sarawak).

Majlis tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada rakyat Malaysia bahawa tarikh keramat ini (31 Ogos – Hari Kemerdekaan) dan (16 September – Hari Malaysia) penting dalam sejarah untuk negara bagi pembentukan Malaysia.

Logo dan Tema Hari Kebangsaan menjadi satu simbol dan elemen penting dalam sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

Dalam sebuah negara yang berbilang kaum, agama dan budaya, pastinya setiap tahun ia akan memberi makna tersendiri kepada rakyat Malaysia yang diterjemahkan melalui pemilihan logo dan tema sambutan.

Antara pengisian program di Mydin kelak ialah flashmob dari pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Pentarama, kuiz kenegaraan dan pameran oleh agensi berkaitan seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), saringan kesihatan, MySalam, Pusat Maklumat Rakyat serta Bahagian Komunikasi Visual dan Senireka JaPen Sarawak.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, Sarawak Jaafar Jantan, Residen Bahagian Kuching Fathi Hambali, Timbalan Setiausaha Persekutuan Sarawak Banges Munga, Timbalan Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, Sarawak Aziz Abdul Rahman, ketua-ketua jabatan, ketua kampung dan ketua masyarakat, mahasiswa-mahasiswi, serta orang awam.-**TAMAT**-

Disediakan oleh: Joshua Amir Sibat (BMKK)

KUCHING

Disediakan pada jam 2.30 petang